

26 FEB 2000

Hamid-Lawatan

PERDANA MENTERI MELAWAT INDONESIA PADA 9 MAC

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Indonesia mulai 9 Mac ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata lawatan itu adalah atas undangan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Lawatan itu akan membawa bersama pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian dan sektor swasta, katanya selepas merasmikan Dialog Agung Bersama Sasterawan Negara di sini hari ini.

Menteri Luar Indonesia Dr Alwi Shihab telah menyerahkan sendiri undangan Abdurrahman itu kepada Dr Mahathir pada Isnin lepas.

Syed Hamid berkata semasa lawatan itu Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Abdurrahman untuk membincangkan isu-isu dua hala bagi mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Syed Hamid juga mengumumkan bahawa kerajaan akan menubuhkan sebuah pejabat perhubungan di Pristina, Kosovo yang antara lain berfungsi sebagai saluran bantuan dari Malaysia kepada rakyat Kosovar.

Pejabat itu juga akan memantau dengan berkesan perkembangan yang sedang berlaku di Kosovo dan ia juga akan beroperasi sebagai perantaraan kerajaan Malaysia dengan para anggota keselamatan Malaysia yang sedang berkhidmat di sana di samping mengawal selia segala program bantuan kerajaan Malaysia di Kosovo.

Pejabat yang akan dikendalikan tiga kakitangan itu diketuai seorang pegawai kanan Wisma Putra dan ia dijangka beroperasi dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Syed Hamid berkata penubuhan pejabat itu adalah satu pencapaian hasil lawatan rasmi beliau ke negara itu pada September tahun lepas.

Syed Hamid berkata dengan adanya pejabat itu, sebarang keperluan rakyat negara berkenaan dapat disalurkan dengan mudah dan ini akan menyumbang kepada hubungan lebih baik antara Malaysia dengan agensi-agensi antarabangsa yang beroperasi di sana.

Katanya penubuhan pejabat itu juga atas permintaan pemimpin-pemimpin Kosovo agar sebarang bantuan yang diperlukan mudah disalurkan kepada mereka.

"Dalam tempoh setahun ini kita telah menghulur bantuan RM2.3 juta untuk membaikpulih masjid, hospital, Fakulti Kejuruteraan Universiti Pristina dan program makanan sedunia," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON